

Headline	Inisiatif kerajaan rangsang sektor hartanah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jan 2020	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	35	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	Mohd Zaky Zainuddin	AdValue	RM 15,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,498



Inisiatif kerajaan rangsang sektor hartanah

Kajian semula RPGT, penurunan harga ambang pemilikan asing jadi pemanas



Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kajian semula cukai keuntungan harta tanah (RPGT), penurunan harga ambang pemilikan asing kepada RM600,000 bagi unit harta tanah bertingkat tidak terjual di kawasan bandar dan pengelepasan skim pembiayaan ‘sewa untuk miliki’ akan merangsang sektor hartanah tempatan tahun ini.

Pengarah Eksekutif Knight Frank Malaysia, Judy Ong Mei Chen, berkata inisiatif di bawah Belanjawan 2020 yang akan dilaksanakan tahun ini akan merangsang kekurangan yang terdapat dalam pasaran harta tanah ketika ini.

“Kajian semula tahun asas bagi RPGT berkemungkinan akan memberi impak positif, yang mana akan merendahkan kenaikan

cukai pelupusan harta tanah sekali gus merancakkan aktiviti dalam pasaran sekunder.

“Langkah menurunkan harga ambang pemilikan asing bermula tahun ini pula akan mengurangkan unit harta tanah tidak terjual bagi jenis kondominium dan apartmen di kawasan bandar yang terpilih.

“Dengan minat yang tinggi dalam program Malaysia My Second Home (MM2H), terutama daripada peserta Hong Kong, China, Taiwan menyaksikan Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan (MOTAC) mengambil langkah pantas dalam kelulusan prosedur menjadi inisiatif penting kepada pasaran,” katanya dalam laporan separuh kedua 2019 Knight Frank.

Beliau berkata, Knight Frank melihat lebih banyak pemaju harta tanah melakukan pembaha-

 **Kajian semula tahun asas bagi RPGT berkemungkinan akan memberi impak positif, yang mana akan merendahkan kenaikan cukai pelupusan harta tanah sekali gus merancakkan aktiviti dalam pasaran sekunder.**

Judy Ong Mei Chen,
Pengarah Eksekutif
Knight Frank Malaysia

ruan dalam melaksanakan automasi rumah pintar dan hijau bagi mempromosikan kehidupan lebih pintar.

Sebagai contoh, Mei Chen berkata, Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dilaksanakan tahun lalu berjaya menjual 28,000 unit kediaman bernilai RM21 bilion setakat November tahun lalu.

Firma perunding harta tanah, Knight Frank Malaysia dalam laporan separuh kedua 2019 mendapati HOC yang berakhir 31 Disember lalu menjadi pilihan pembeli dan pemaju.

“Sejumlah harta tanah bernilai RM21 bilion berjaya dijual setakat November tahun ini dan ia mele过asi sasaran jualan ditetapkan iaitu RM3 bilion.

“Paras lebih tinggi dalam aktiviti pasaran dipacu pelaksanaan HOC yang berlanjut sehingga 31 Disember lalu,” katanya.